

PEMBELAJARAN JARAK JAUH TERBUKA (ODL): PENGALAMAN SISWA GURU INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Lim Zhe-Yu^{1*}

¹Institut Pendidikan Guru (IPG) Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur

*E-mail: 2002zheyu@gmail.com

1. PENGENALAN

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada penularan Virus Covid-19 telah mewajibkan penutupan institusi pendidikan di seluruh Malaysia. Akibatnya, pembelajaran bersemuka telah beralih kepada *Open and Distance Learning* (ODL) untuk memastikan penerusan pembelajaran. ODL ditakrifkan sebagai proses pembelajaran yang memanfaatkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) untuk memudahcarakan pembelajaran (Keegan, 1980; Berg & Simonson, 2016). Sejak dekad yang lalu, ODL menjadi semakin popular dalam institusi pengajian tinggi (IPT) di serantau dunia (Mahlangu, 2018) termasuk Malaysia (Tuan Fatma et al., 2019). Dengan pelaksanaan PKP, semua pengajar dan pelajar terpaksa menyesuaikan diri dengan ODL.

1.1 Pernyataan Masalah

Keberkesanan ODL adalah standing dengan pembelajaran bersemuka (Kemp & Grieve, 2014). Namun, keberkesanannya bergantung kepada kesediaan pelajar dan infrastruktur teknikal (Kusel et al., 2020). Dalam konteks IPT Malaysia, majoriti responden kajian Mathew & Chung (2020) lebih menggemari ODL atas faktor autonomi pelajar, fleksibiliti masa, penjimatan masa dan kos ke kampus. Kekurangan ODL diperlihatkan dari aspek infrastruktur teknikal iaitu isu mengakses internet dan kesukaran mendapat maklum balas daripada pengajar (Fidalgo et al., 2020) di samping masalah peribadi seperti kurang motivasi dan gangguan pembelajaran (Norazrina Ag Ahmad, 2020). Pengalaman ODL di IPT lain telah dilaporkan tetapi bagaimanakah keadaan ODL untuk Institut Pendidikan Guru (IPG)? Adakah siswa guru menikmati proses ODL? Haruskah siswa guru pulang ke kampus secepat mungkin? Untuk pemahaman lanjut, kajian ini akan meneliti pengalaman ODL di IPG.

1.2 Soalan Kajian

- Bagaimakah pencapaian akademik siswa guru semasa ODL?
- Apakah pengalaman siswa guru terhadap pelaksanaan ODL?
- Apakah pendapat siswa guru terhadap pelaksanaan ODL?

2. METODOLOGI

Soal selidik dalam *Google Form* disebar melalui *Whatsapp* kepada siswa guru di sebuah kampus IPG. Seramai 51 orang (perempuan: 30 orang/ 58.8%; lelaki: 21 orang/ 41.2%) telah menjawab soal selidik ini yang terdiri daripada: (1) Latar belakang; (2) Pengalaman ODL; (3) Pendapat dan cadangan. Skala likert 4 digunakan. Untuk soalan Bahagian 2, angka 1 mewakili “Sangat tidak setuju” manakala angka 4 “Sangat setuju”. Untuk Bahagian 3 pula, responden

diminta menjawab soalan terbuka untuk memberi pandangan terhadap pelaksanaan ODL. Semua soalan berskala likert dianalisis dengan penggunaan statistik deskriptif melalui SPSS manakala untuk Bahagian 3, analisis telah dibuat secara tematik.

3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

3.2 Soalan Kajian 1: Bagaimanakah Pencapaian Akademik Pelajar Semasa ODL?

Pencapaian CGPA siswa guru menunjukkan kecemerlangan akademik (Min: 3.59, SD: 0.24) masih tercapai melalui ODL. Dapatan kajian menunjukkan 98% daripada siswa guru mencapai CGPA ≥ 3.00 ; antaranya 39.2% mencapai CGPA 3.69-4.0. Terdapat siswa guru yang berpendapat bahawa ODL boleh menjadi kekangan kepada pencapaian akademik sendiri (Min 2.59; SD: .804) (Jadual 2). Walau bagaimanapun, keberkeraan ODL untuk memahami pembelajaran juga dipersetujui oleh siswa guru (Min 2.80; SD: .693) (Jadual 2). Dapatan ini membuktikan pernyataan Kemp & Grieve (2014) ada kebenarannya iaitu ODL setanding pembelajaran bersemuka.

Jadual 1: CGPA SG2

| Bil | Item | Mod | Julat | Min | Sisihan piawai | Varians |
|-----|------|------|-------|------|----------------|---------|
| 1 | CGPA | 3.73 | 1.41 | 3.59 | .242 | 0.59 |

Jadual 2: Pandangan SG2 terhadap ODL

| Bil | Item | Mod | Julat | Min | Sisian piawai | Varians |
|-----|--|-----|-------|------|---------------|---------|
| 1 | Kesanggupan penyertaan kelas | 4 | 3 | 3.45 | .757 | .573 |
| 2 | Pemahaman perincian tugas | 3 | 3 | 2.96 | .747 | .558 |
| 3 | Penyediaan senarai semak | 3 | 3 | 2.98 | .812 | .660 |
| 4 | Masa tugas yang mencukupi | 3 | 3 | 2.94 | .810 | .656 |
| 5 | Pensyarah memberi maklumat | 3 | 3 | 3.16 | .731 | .535 |
| 6 | Pensyarah memberi maklum balas | 3 | 3 | 3.10 | .671 | .450 |
| 7 | Pensyarah memahami dan memenuhi keperluan dan limitasi | 3 | 3 | 3.20 | .825 | .681 |
| 8 | ODL sebagai kekangan pencapaian akademik | 3 | 3 | 2.59 | .804 | .647 |
| 9 | Tugas ODL lebih banyak | 3 | 3 | 3.14 | .825 | .681 |
| 10 | ODL efektif dalam memahami pembelajaran. | 3 | 3 | 2.80 | .693 | .481 |

3.3 Soalan Kajian 2: Apakah Pengalaman Pelajar terhadap Pelaksanaan ODL?

Majoriti daripada SG2 memberi pandangan positif terhadap pelaksanaan ODL. SG2 “dapat menyertai kelas ODL” (Min 3.45; SD: .757) memahami perincian tugas (Min 2.96; SD: .747), membuat senarai semak kelas ODL (Min 2.98; SD: .812) dan bersetuju masa mencukupi untuk menyiapkan tugas (Min 2.94; SD: .810). Seterusnya, SG2 bersetuju bahawa pensyarah memberikan maklum balas yang mencukupi (Min 3.10; SD: .671) dan penjelasan yang bagus (Min 3.16; SD: .731) mengenai tugas. Mereka juga berpendapat bahawa pensyarah memahami limitasi SG2 untuk ODL (Min 3.20; SD: .825). Kekurangannya adalah pada keberatan tugas ODL (Min 3.14; SD: .825) yang lebih tinggi. Ringkasnya, ODL berjalan lancar di IPG dengan sokongan pensyarah yang bersifat responsif dan bertimbang rasa demi membantu SG2 menghadapi cabaran ODL (Sila rujuk Jadual 2 untuk semua dapatan di bahagian ini.)

3.4 Soalan Kajian 3: Apakah Pendapat Siswa Guru terhadap Pelaksanaan ODL?

Ramai siswa guru menyukai ODL dan memahami kepentingannya. Antara pendapat positifnya ialah “ODL penting bagi meneruskan pembelajaran”, “ODL adalah fleksibel”, “pengalaman yang bagus” dan “penting bagi mengawal Covid-19”. Sebaliknya, pendapat negatif adalah seperti “ODL tidak interaktif”, “susah untuk memahami kurikulum” dan “menyusahkan siswa guru”. Untuk cadangan, terdapat saranan untuk “mengurangkan masa kelas bersemuka dan tugas tutorial” di samping mengesyorkan agar pensyarah mempelbagaikan cara penyampaian pengajaran dan memberikan rakaman video bagi setiap kelas.

4. PENUTUP

Kajian ini telah menerokai pengalaman ODL pelajar IPG. Majoriti daripada responden menganggap ODL di IPG adalah berkesan. Ini terbukti dengan pencapaian akademik yang baik (98%: CGPA ≥ 3.0). Walaupun ramai pelajar berhadapan dengan masalah internet, ia tidak mengganggu penyertaan kelas ODL. Pandangan yang menggalakkan berkenaan pelbagai aspek ODL, contohnya “pensyarah bersifat responsif dan bertimbang rasa” menyumbang kepada pengalaman ODL pelajar yang positif. Selain itu, pendapat siswa guru berkenaan ODL terbahagi kepada positif dan negative. Pendapat positif yang diberi seperti “ODL penting, fleksibel dan memberi pengalaman yang bagus” amat memberangsangkan. Sebaliknya, pendapat negatif seperti “ODL tidak interaktif”, “susah untuk memahami kurikulum” harus diberi perhatian oleh pihak IPG.

5. RUJUKAN

- Berg, G. A., & Simonson, M. (2016, November 7). *Distance learning*. Encyclopaedia Britannica. Retrieved from <https://www.britannica.com/topic/distance-learning>
- Fidalgo, P., Thormann, J., Kulyk, O., & Lencastre, J. L. (2020, May 20). Students’ perceptions on distance education: A multinational study. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 17.
- Kemp, N., & Grieve, R. (2014, November 12). Face-to-face or face-to-screen? Undergraduates’ opinions and test performance in classroom vs. online learning. *Frontiers in Psychology*, 5.
- Kusel, J., Martin, F., & Markic, S. (2020, Oktober 31). University students’ readiness for using digital media and online learning—Comparison between Germany and the USA. *Education Sciences*, 10.
- Keegan, D. J. (1980, November). On the nature of distance education. *ZIFF Papiere*, 33.
- Mahlangu, V. P. (2018, April 4). The good, the bad, and the ugly of distance learning in higher education. *Trends in E-learning*. Retrieved from <https://www.intechopen.com/books/trends-in-e-learning/the-good-the-bad-and-the-ugly-of-distance-learning-in-higher-education>
- Mathew, V. N., & Chung, E. (2021, Januari 24). University student’s perspectives on Open and Distance Learning (ODL) implementation amidst Covid-19. *Asian Journal of University Education*, 16(4). 152-160.
- Norazrina Ag Ahmad. (2020, November). Open and distance learning (ODL): Preferences, issues, and challenges amidst Covid-19 pandemic. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)*, 8(2).

Tuan Fatma Tuan Sulaiman., & Zuhairah Ariff Abd Ghadas. (2019, Januari). Corporate governance of open and distance learning (ODL) institutions: Special reference to Open University Malaysia. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 5(2). 304-315.